



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TEKS UCAPAN

YANG BERTHORMAT TUAN ANTHONY LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TRANSFORMASI
PERKHIDMATAN BAS BERTHENTI-HENTI
BAS.MY KOTA SETAR

28 JULAI 2025 (ISNIN) / 9.00 PAGI
DATARAN MEDAN BANDAR
ALOR SETAR, KEDAH

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

- Yang Berhormat Dato' Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail, Menteri Dalam Negeri
 - Yang Berhormat Tuan Haji Dzowahir Bin Haji Ab. Ghani, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan, Pengangkutan Negeri Kedah
 - Yang Berbahagia Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
 - Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Fauzi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
 - Yang Berhormat Ahli Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
 - Yang Berhormat Ahli Ahli Dewan Undangan Negeri
 - Yang Berbahagia Datuk Azlan Shah Al Bakri, Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat
 - Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Ghaffar Bin Yahya, Datuk Bandar Alor Setar
 - Ketua - Ketua Jabatan, Pegawai - Pengawai Kerajaan Persekutuan dan Negeri
 - Yang Berbahagia Datuk Gopinathan A/L Balasubramaniam, Pengarah Urusan Gopi Travel Tours Sdn Bhd selaku Pengendali Rangkaian BAS.MY Kota Setar.
 - Dif-Dif Kehormat, Para Tetamu Jemputan
 - Rakan-Rakan Media, Tuan Tuan, Puan Puan
 - Para Hadiran Sekalian
1. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua hadirin yang sudi hadir pada pagi ini ke Majlis Pelancaran Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti (SBST) Kota Setar atau **BAS.MY Kota Setar**.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan atas kehadiran Yang Berhormat Tuan Haji Dzowahir Bin Haji Ab. Ghani, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan, Pengangkutan Negeri Kedah yang mewakili Menteri Besar Kedah, barisan exco negeri Kedah, wakil-wakil rakyat negeri dan wakil kerajaan negeri ke majlis yang bermakna ini.
3. Kerajaan Negeri telah menunjukkan kerjasama yang baik dalam usaha bersama kita untuk memperkasakan pengangkutan awam di Negeri Kedah.
4. Di peringkat Kementerian Pengangkutan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk menyediakan pengangkutan awam yang bermutu pada harga yang berpatutan.
5. Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), sentiasa berusaha merangka satu sistem bas berhenti-henti yang lebih efisien dan dinamik agar dapat meningkatkan mobiliti, produktiviti dan peningkatan taraf hidup rakyat Malaysia yang terkesan dengan cabaran ekonomi dunia pada masa ini.

SBST dan ISBSF

6. Lantaran itu, maka wujud dua inisiatif utama melalui APAD. Inisiatif pertama adalah Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST atau *Stage Bus Service Transformation*) melalui jenama perkhidmatan “BAS.MY”. Inisiatif kedua adalah Dana Sokongan

Sementara Bas Berhenti-henti (ISBSF atau *Interim Stage Bus Support Fund*).

7. SBST bertitik bertolak daripada Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat atau *National Land Public Transport Master Plan*. Objektif utama SBST ialah menambah baik perkhidmatan bas dari aspek kemampanan dan kebolehharapan (reliability) dengan tujuan untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan rakyat.
8. Manakala pelaksanaan ISBSF pula merupakan bantuan kewangan secara sementara kepada pengendali bas berhenti-henti yang layak bagi menanggung kerugian operasi di laluan yang tidak ekonomik. Ini bertujuan untuk memastikan kesalinghubungan pengangkutan awam ke kawasan-kawasan luar bandar boleh dikekalkan.
9. Kalau dahulunya perkhidmatan bas di Alor Setar dan di kawasan sekitarnya dibantu dengan dana ISBSF yang menggunakan bas-bas yang lama dan usang, kini di bawah SBST atau BAS.MY Kota Setar, kerajaan memperkenalkan 100% bas-bas baharu yang selesa untuk pengguna.

Tuan-tuan dan puan-puan,

BAS.MY Kota Setar di bawah SBST

10. Saya ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan BAS.MY di Kota Setar melibatkan **13 laluan** yang merangkumi lima (5) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Alor Setar,

Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Majlis Daerah Padang Terap, Majlis Daerah Pendang, dan Majlis Perbandaran Sungai Petani.

11. Melalui inisiatif BAS.MY Kota Setar ini, **sebanyak 48 buah bas baharu** yang terdiri dari **6 buah bas midi** dan **42 bas mini low floor** digunakan.
12. Bagi memudahkan penumpang mengenali BAS.MY dan menarik minat pengguna pengangkutan awam sejak bangku sekolah lagi, rekabentuk bas yang ceria berwarna merah jambu diperkenalkan.
13. Sudah pasti keceriaan warna merah jambu itu dapat memberi pengalaman yang menarik dan selesa serta menyimpan *moment* yang akan dikenang apabila anak-anak kita dewasa kelak yang menggunakan bas ini untuk ke sekolah.
14. Saya difahamkan sejak BAS.MY Kota Setar ini bermula pada 1 Jun 2025 yang lalu, telah banyak siaran di media sosial telah dilakukan oleh rakyat Kedah. Jelas sekali, rakyat Kedah amnya dan penduduk Alor Setar khususnya sangat teruja dengan keberadaan BAS.MY Kota Setar.
15. Kerajaan Persekutuan akan melaburkan **sebanyak RM78.50 juta bagi tempoh 5 tahun atau RM15.70 juta setahun** bagi memastikan perkhidmatan BAS.MY Kota Setar dapat mencapai kejayaan. Ini merupakan jumlah yang besar yang seharusnya dimanfaatkan bagi setiap sen yang dikeluarkan demi kesejahteraan rakyat.

16. Pada bulan pertama perkhidmatan BAS.MY Kota Setar, sebanyak 30,488 penumpang telah menikmati perkhidmatan ini dan angka ini dijangka akan mencecah 50,000 bagi bulan Julai 2025. Angka ini lebih tinggi daripada apa yang disasarkan dan saya percaya perkhidmatan ini masih mempunyai ruang untuk terus meningkat.

Ciri-Ciri Baharu Bas SBST Kota Setar

17. Tambahan pula, perkhidmatan BAS.MY menggunakan bas-bas mini sesuai dengan jumlah permintaan sesuatu laluan. Bas-bas yang bersaiz kecil ini juga dapat mengurangkan kos operasi dan lebih mudah untuk dikendali.
18. Antara ciri-ciri bas yang diperkenalkan ialah bas-bas yang bersifat *low floor*. Ini memudahkan penumpang naik dan turun bas selain mesra OKU. Bas-bas yang digunakan juga ditambah dengan ciri ciri keselamatan seperti CCTV bagi memantau keselamatan penumpang di dalam dan di luar bas. Bas-bas ini juga dilengkapi paparan LED bagi memaparkan nombor dan destinasi bas.
19. Selain itu, selari dengan peredaran masa dan trend masa kini di mana orang ramai mahukan kemudahan yang cepat dan mudah, kemudahan pembayaran tambang tanpa tunai turut diperkenalkan. Pengguna boleh menggunakan sama ada kad debit/kredit atau pembayaran menggunakan e-wallet melalui QR code. Mod-mod pembayaran ini diharapkan akan memudahkan dan menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam darat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pas Perjalanan Tanpa Had Kad 30 Hari BAS.MY

20. Selain memastikan perkhidmatan bas yang berkualiti disediakan, Kerajaan Madani juga amat prihatin terhadap kos pengangkutan awam yang ditanggung oleh rakyat. Oleh itu, **pas bulanan perjalanan tanpa had Kad 30 Hari BAS.MY** telah diperkenalkan di Kota Setar.
21. Dengan Kad 30 Hari BAS.MY ini, pengguna hanya perlu **membayar RM50** untuk perjalanan tanpa had di kesemua 13 laluan BAS.MY Kota Setar bagi tempoh 30 hari.
22. Sebagai contoh, pengguna yang menggunakan perkhidmatan BAS.MY Kota Setar dari Kuala Nerang ke Alor Setar untuk ke tempat kerja perlu membayar tambang sebanyak RM4.70 sehala atau RM9.40 sehari. Dengan Kad 30 Hari BAS.MY, beliau hanya perlu membayar RM50 sebulan berbanding RM188 untuk 20 hari bekerja, iaitu **penjimatan hampir 74 peratus**. Kemudahan ini hanya terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja.

Tambang Percuma Kad Konsesi BAS.MY

23. Selain itu, tambang percuma melalui **Kad Konsesi BAS.MY** turut diperkenalkan di BAS.MY Kota Setar. Di bawah inisiatif ini, golongan **warga emas** berumur 60 dan ke atas, **OKU** dan **pelajar sekolah** berumur 7 sehingga 17 tahun, boleh menikmati tambang percuma apabila menggunakan perkhidmatan BAS.MY. Kemudahan ini turut diperluaskan kepada **golongan mahasiswa** universiti, politeknik,

kolej komuniti dan matrikulasi seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Belanjawan 2025.

BAS.MY Medik

24. Satu lagi perkhidmatan tambahan kepada rakyat yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengangkutan ialah meletakkan syarat kepada pengendali BAS.MY Kota Setar untuk menyediakan perkhidmatan pintu ke pintu secara tempahan bagi membawa penumpang mobiliti terhad seperti penumpang berkerusi roda, untuk tujuan rawatan perubatan seperti ke pusat dialisis dan klinik kesihatan atau ke mana-mana destinasi. Perkhidmatan ini dikenali sebagai BAS.MY Medik dan akan diperkenalkan dengan kadar tambang yang berpatutan.

Pemantauan dan Penalti

25. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada APAD yang telah memantau pelaksanaan perkhidmatan BAS.MY Kota Setar. Proses tender terbuka bagi perkhidmatan ini telah bermula tahun lepas. APAD telah berjaya menyiapkan proses penilaian dan membolehkan operasi bermula secara berfasa sejak bulan Jun 2025.
26. Saya berharap pihak pengendali iaitu Gopi Travel Tours Sdn Bhd akan sentiasa memastikan tahap perkhidmatan dalam keadaan cekat, selamat dan efisien.
27. Perkhidmatan BAS.MY ini akan dipantau melalui GPS dari segi Ketersediaan Perkhidmatan dan Ketepatan Masa. Sekiranya pengendali gagal menepati KPI yang ditetapkan bagi dua aspek ini,

penalti akan dikenakan. Pemantauan yang berterusan dapat memastikan perkhidmatan BAS.MY yang cekap dan memberi keyakinan kepada rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam.

Prasarana Pengangkutan Awam

28. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu memainkan peranan penting bersama dalam merangka pembangunan prasarana pengangkutan awam bagi menambah baik pengalaman pengguna (atau *user experience*) pengangkutan awam dan perhentian bas yang selesa, kemudahan papan maklumat yang jelas serta turut menyediakan laluan pejalan kaki yang selamat kepada pengguna. Ini antara elemen penting dalam melengkapkan ekosistem pengangkutan awam yang baik lagi tersusun serta menyeluruh.
29. Dalam perkara ini, pihak Kementerian Pengangkutan telah merangka satu **reka bentuk hentian bas** yang dicipta bagi memastikan reka bentuk hentian bas yang seragam dan konsisten dari segi rupa dan maklumat yang dipaparkan bagi semua perkhidmatan bas berhenti-henti BAS.MY di seluruh negara.
30. Perlu diingatkan di sini, walaupun reka bentuk hentian bas telah disediakan oleh Kementerian Pengangkutan, **namun pembinaan dan penyediaan hentian bas masih di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan**. Pihak Berkuasa Tempatan bolehlah menggunakan reka bentuk yang disediakan sebagai templat untuk membina hentian-hentian bas ini. Saya

berharap lebih banyak hentian bas akan dibina demi kemudahan rakyat menggunakan perkhidmatan bas ini.

31. Pengangkutan awam yang baik bukan semata-mata berkisar bas yang berada di atas jalan raya. Untuk diangkat sebagai mod pengangkutan pilihan rakyat, kerjasama erat diperlukan di semua peringkat untuk membina satu ekosistem pengangkutan awam yang terbaik.
32. Kementerian Pengangkutan juga telah bekerjasama dengan pihak pengendali untuk mewujudkan **peta rangkaian** bagi semua laluan BAS.MY Kota Setar, seperti mana yang kita dapat lihat di Lembah Klang untuk perkhidmatan rel. Pemaparan peta rangkaian ini di terminal dan perhentian bas yang dikendalikan oleh PBT akan menambahbaik lagi pengalaman pengguna perkhidmatan BAS.MY Kota Setar, termasuk di kalangan pelancong.

Laman Web Khusus BAS.MY

33. Bagi memudahkan pengguna untuk mendapat maklumat perkhidmatan BAS.MY. Saya juga ingin memaklumkan bahawa laman sesawang rasmi BAS.MY – **bas.my – turut dilancarkan hari ini.**
34. Laman web ini membolehkan pengguna untuk menyemak laluan dan jadual perjalanan serta lokasi utama selain maklumat produk BAS.MY seperti Kad 30 Hari dan Kad Konsesi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Penutup

35. Dengan jumlah perbelanjaan yang besar oleh Kerajaan Persekutuan dan usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan prasarana sokongan, adalah menjadi harapan Kerajaan perkhidmatan BAS.MY akan menjadi pilihan rakyat. Apalah guna semua kemudahan yang dibelanjakan berjuta-juta jika sokongan rakyat terhadap inisiatif BAS.MY ini tidak dimanfaatkan. Saya amat berharap penduduk Kota Setar dan negeri Kedah amnya akan menjadikan BAS.MY nadi pilihan utama pengangkutan bas.
36. Sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang hadir. Penghargaan juga diberikan kepada barisan kepimpinan dan pengurusan negeri dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Pengangkutan dalam merealisasikan perkhidmatan BAS.MY Kota Setar.

Sekian, terima kasih.